



# The Observer

08.12.2023

## ❖ Lima nisbah kewangan utama untuk membuat keputusan pelaburan

Nisbah kewangan atau perakaunan ialah magnitud relatif bagi dua nilai berangka yang dipilih daripada penyata kewangan sesebuah syarikat. Nisbah piawai ini digunakan oleh pengurus, pemegang saham, pelabur dan pihak berkepentingan untuk menilai keadaan kewangan firma secara keseluruhan.

Berikut adalah lima nisbah kewangan yang boleh digunakan untuk menilai prestasi kewangan syarikat. Kita mungkin pernah melihat nisbah ini dalam laporan tahunan syarikat awam tersenarai (*public limited companies*, PLC).

### 1. Margin untung kendali (*Operating profit margin*) (%)

Inilah salah satu kayu pengukur paling kritikal dari sudut kecekapan kendalian. Formulanya seperti berikut:

Margin untung kendali (%)	=	$\frac{\text{Untung kendali/ untung daripada kendalian}}{\text{Hasil}} \times 100$
---------------------------	---	--

Formula di atas menunjukkan kadar keuntungan sesebuah syarikat. Margin kendali yang tinggi menunjukkan sesebuah PLC mempunyai keupayaan yang lebih baik untuk menjana pendapatan daripada perniagaan terasnya (untung kendalian tidak termasuk pendapatan lain, dsb.). Ini juga bermaksud PLC itu diurus dengan baik dan dilihat menarik oleh pelabur.

Nisbah yang lebih tinggi biasanya lebih baik. Ia menggambarkan syarikat itu cekap dalam kendaliannya serta mahir menukarkan jualan kepada keuntungan.

### 2. Pendapatan sesaham (*earnings per share*, EPS)

EPS menunjukkan keuntungan sesebuah perniagaan iaitu jumlah wang yang diperolehi untuk setiap sahamnya. Cara pengiraan EPS adalah seperti berikut:

$\frac{\text{Untung bersih/Pendapatan}}{\text{Purata Saham Yang Diterbitkan}}$	Atau	$\frac{\text{Untung Bersih/ Pendapatan Tolak Dividen kepada Pemegang Saham Keutamaan}}{\text{Purata Saham Yang Diterbitkan}}$
--	------	---

EPS yang tinggi menunjukkan bahawa prestasi kewangan PLC bertambah baik, dengan potensi kenaikan harga saham.

EPS yang negatif secara bersiri kemudian diikuti oleh EPS terkini yang positif mungkin menunjukkan bahawa sesebuah PLC berada di ambang pemulihan atau pemulihan prestasi perniagaan. Ini boleh memacu momentum menaik dalam harga saham PLC tersebut.

Sementara itu, kemunculan EPS yang negatif selepas beberapa siri EPS positif mungkin menunjukkan bahawa perniagaan mula menghadapi masalah menjana keuntungan. Pendapatan yang negatif boleh menjejaskan harga saham.

Namun, penggunaan EPS untuk menilai saham atau syarikat ada hadnya. Pertama, perbelanjaan bukan tunai seperti susut nilai dan pelunasan ditolak daripada pendapatan bersih, selain sifat perbelanjaan modal yang dibuat dalam kelompok-kelompok yang besar boleh menyebabkan banyak perubahan dalam pendapatan bersih syarikat merentas tempoh pelaporan.

Kedua, perniagaan mungkin mempunyai perbelanjaan bukan kendalian yang berbeza, seperti pembayaran cukai dan faedah, yang mana menjejaskan pendapatan bersih. Melihat kepada pendapatan bersih syarikat sahaja tidak menggambarkan dengan tepat aliran tunai atau kesihatan perniagaannya.

Selain itu, sesebuah syarikat boleh dan akan memanipulasi angka EPS mereka dengan menukar bilangan saham yang diterbitkan. Terbitan saham, pecahan/ penyatuan dan pembelian balik saham semuanya mengubah penyebut yang dibahagikan pendapatan bersih.

### **3. Nisbah semasa (juga dikenali sebagai nisbah modal kerja)**

Nisbah semasa menentukan kecairan sesebuah perniagaan, mengukur keupayaannya untuk menampung tanggungan jangka pendek (dalam tempoh 12 bulan) berdasarkan aset semasa yang sedia ada. Oleh itu, nisbah semasa dikira dengan membahagikan aset semasa dengan liabiliti semasa.

Nisbah semasa lebih besar daripada satu menunjukkan bahawa perniagaan itu dapat memenuhi liabiliti jangka pendeknya (pinjaman, dsb.). Sebagai contoh, sebuah PLC dengan nisbah semasa tiga bermakna saiz aset semasanya adalah tiga kali ganda liabiliti jangka pendeknya.

Sebaliknya, nisbah semasa di bawah satu menunjukkan bahawa perniagaan mungkin bergelut untuk memenuhi tanggungan jangka pendeknya. Dalam konteks ini, perniagaan tersebut menghadapi isu kecairan.

### **4. Nisbah hutang-ekuiti (*Debt to equity ratio, D/E ratio*)**

Nisbah hutang-ekuiti mengukur sejauh mana sesebuah syarikat menggunakan leveraj kewangan berbanding ekuitinya untuk menjalankan perniagaan.

Formula nisbah hutang-ekuiti adalah seperti berikut:

Jumlah hutang	÷	Jumlah ekuiti pemegang saham
---------------	---	------------------------------

Secara umumnya, nisbah hutang-ekuiti satu atau kurang dianggap sihat atau kurang berisiko kepada pemberi pinjaman dan pemegang saham. Walau bagaimanapun, nisbah hutang-ekuiti yang ideal dan boleh diterima berbeza-beza mengikut industri.

Nisbah hutang-ekuiti yang tinggi menggambarkan risiko kewangan yang tinggi dan meningkatkan risiko pelaburan pemegang saham.

Nisbah hutang-ekuiti yang rendah pula akan memberikan syarikat ruang yang mencukupi untuk membiayai pertumbuhan atau pengembangan perniagaan mereka serta mencapai campuran struktur modal yang ideal antara tahap hutang dan ekuiti.

### **5. Pulangan ekuiti (*Return On Equity, ROE*)**

Pulangan ekuiti dikira dengan membahagikan untung bersih dengan jumlah ekuiti pemegang saham. Pulangan ekuiti antara 15 dan 20% dianggap baik, manakala pulangan ekuiti sebanyak 5% dianggap rendah. Bagaimanapun, penilaian pulangan ekuiti berbeza dari industri ke industri.

Pulangan ekuiti yang tinggi mungkin mencerminkan bahawa PLC tersebut mengurus modal pemegang saham dengan cekap untuk memberikan pulangan yang optimum dan begitu juga sebaliknya.

Bagaimanapun, pulangan ekuiti yang rendah mungkin disebabkan unsur ketidakcekapan dalam PLC. Faktor luaran yang memberikan kejutan luar biasa, seperti pandemik COVID-19, juga boleh memberi kesan buruk kepada PLC serta pemain lain dalam industri yang sama. Dalam kes ini, pulangan ekuiti akan terjejas.

### **Kesimpulannya**

Nisbah kewangan yang dinyatakan di atas boleh digunakan oleh pelabur untuk menilai prestasi perniagaan sesebuah syarikat. Mereka perlu membandingkan nisbah kewangan dalam kalangan syarikat penerima pelaburan yang berbeza, purata industri, syarikat-syarikat dalam industri yang sama dan pesaing rapat. Inilah satu cara yang membolehkan mereka membuat keputusan pelaburan termaklum.

**Norhisam Sidek**  
**Pengurus, Pemantauan Korporat**

---

### **Tinjauan Mingguan AGM/ EGM MSWG untuk tempoh 11 hingga 15 Disember 2023**

Berikut adalah AGM/EGM syarikat-syarikat di bawah senarai pemantauan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman sesawang MSWG di [www.mswg.org.my](http://www.mswg.org.my)

Tarikh dan Masa	Syarikat	Tinjauan ringkas
11.12.23 (Isnin) 10.00 pagi	CTOS Digital Berhad (EGM)	<p>CTOS mencadangkan pelaksanaan skim opsyen saham pekerja (<i>Employee Share Option Scheme, ESOS</i>) yang merangkumi sehingga 1% daripada jumlah saham yang diterbitkan.</p> <p>ESOS ini akan berkuat kuasa selama enam tahun dan bertujuan mengumpulkan modal bagi keperluan modal kerja Kumpulan, termasuk menyelesaikan penghutang perdagangan serta menampung perbelanjaan pemasaran dan pentadbiran.</p> <p>Dana yang dijana daripada pelaksanaan Opsyen ESOS ini akan digunakan dalam tempoh 12 bulan.</p> <p>Selain itu, terdapat cadangan untuk memperuntukkan opsyen ESOS ini kepada Pengarah Eksekutif dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan CTOS iaitu Erick Hamburger Barraza, yang dilantik pada 30 September 2022.</p>
12.12.23 (Selasa) 10.00 pagi	Supercomnet Technologies Berhad (EGM)	<p>Kumpulan berhasrat memohon kelulusan pemegang saham untuk Cadangan Pindaan Perlembagaan Syarikat. Cadangan Pindaan ini bertujuan menambah bilangan pengarah maksimum dalam Syarikat daripada sembilan pengarah yang sedia ada kepada sepuluh pengarah, bagi memudahkan dan meningkatkan lagi kecekapan pentadbiran.</p>
12.12.23 (Selasa) 10.00 pagi	Berjaya Land Berhad (AGM)	<p>Kumpulan melaporkan pendapatan yang lebih tinggi pada tahun kewangan 2023, berjumlah RM7.27 bilion. Mereka mengaitkan peningkatan ini kepada penambahbaikan daripada pelbagai segmen perniagaan, terutamanya Loteri STM yang merekodkan peningkatan sebanyak 32.1%. Sektor hotel berkembang pesat dengan penyambungan semula perjalanan di peringkat global, manakala segmen pelaburan dan pembangunan hartanah turut menyaksikan kemajuan. Segmen kenderaan bermotor turut mencatatkan prestasi yang cemerlang berikutan pemulihan</p>

		<p>permintaan tempatan dan bekalan global.</p> <p>Meskipun berdepan cabaran, Kumpulan mencatatkan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM394.0 juta, berbanding kerugian pada tahun sebelumnya. Bagaimanapun, peningkatan dalam kos kewangan, inflasi dan perbelanjaan telah menjejaskan keuntungannya. Kumpulan menjangkakan potensi yang memberangsangkan namun mengakui situasi tidak menentu di peringkat global.</p>
12.12.23 (Selasa) 10.30 pagi	Ahmad Zaki Resources Berhad (AGM)	<p>Pendapatan AZRB menyusut 47.4% tahun ke tahun kepada RM380.4 juta pada tahun kewangan 2023 (tahun kewangan 2022: RM723.1 juta).</p> <p>Secara keseluruhan, bahagian Perladangan, Kejuruteraan dan Pembinaan serta bahagian Hartanah Kumpulan mencatatkan pendapatan yang jauh lebih rendah. Ini memberi kesan terhadap pendapatan yang meningkat daripada segmen perniagaan Konsesi serta Minyak dan Gas (<i>oil and gas, O&amp;G</i>).</p> <p>Kumpulan mencatatkan kerugian sebelum cukai berjumlah RM70.9 juta pada tahun kewangan 2023 (tahun kewangan 2022: RM67.6 juta), terutamanya disebabkan oleh operasi di ladang Kalimantan.</p>
13.12.23 (Rabu) 10.00 pagi	AWC Berhad (EGM)	<p>AWC berhasrat mendapatkan kelulusan pemegang saham untuk mengambil alih 49% kepentingan dalam STREAM Group Sdn Bhd dan 51% kepentingan dalam Premium Patents Sdn Bhd dengan harga RM110 juta ('Cadangan Pengambilalihan').</p> <p>Apabila selesai Cadangan Pengambilalihan itu, STREAM Group akan menjadi anak syarikat milik penuh AWC, membolehkan AWC menyelaraskan dan menyatukan sepenuhnya prestasi kewangan STREAM Group.</p>

<p>13.12.23 (Rabu) 10.00 pagi</p>	<p>Jiankun International Berhad (EGM)</p>	<p>Syarikat mencadangkan resolusi berikut untuk kelulusan pemegang saham:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Cadangan mengubah suai terma dan syarat untuk cadangan pengambilalihan sebidang tanah pegangan pajakan di Klebang, Melaka yang berukuran 40,469 meter persegi oleh Key Success Development Sdn. Bhd. (KSDSB), anak syarikat milik penuh Jiankun, daripada Cash Support Group Sdn. Bhd. (CSGSB) dengan balasan tunai berjumlah RM26.00 juta.</li> <li>- Cadangan penempatan persendirian sebanyak 95 juta saham baharu kepada pelabur pihak ketiga pada Harga Terbitan RM0.20 sesaham.</li> <li>- Cadangan terbitan bonus sehingga 265.8 juta waran baharu berdasarkan dua waran B bagi setiap satu saham sedia ada yang dipegang.</li> </ul>
<p>13.12.23 (Rabu) 10.30 pagi</p>	<p>Toyo Ventures Holdings Berhad (EGM)</p>	<p>TOYO mencadangkan penyelesaian hutang yang berjumlah RM354 juta melalui penerbitan saham pinjaman tidak bercagar boleh tukar tidak boleh ditebus (<i>irredeemable convertible unsecured loan stock, ICULS</i>) bernilai nominal RM354 juta untuk tempoh lima tahun pada 100% daripada nilai nominalnya.</p> <p>Mengimbas kembali, hutang tertunggak yang ditanggung oleh TOYO adalah untuk membiayai kos pembangunan permulaan sebuah loji janakuasa di Vietnam. TOYO juga mencadangkan pelaksanaan skim opsyen saham pekerja (<i>employee share option scheme, ESOS</i>) sehingga 15% daripada jumlah saham terbitan kepada pengarah dan pekerja yang layak.</p>
<p>13.12.23 (Rabu) 10.30 pagi</p>	<p>PLS Plantation Berhad (AGM)</p>	<p>Pendapatan PLS menyusut sebanyak 36% kepada RM118.3 juta pada tahun kewangan 2023. Prestasi Syarikat bertukar rugi dengan kerugian sebelum cukai sebanyak RM37.6 juta, berbanding untung sebelum cukai</p>

		<p>berjumlah RM49.9 juta setahun yang lalu, sebahagiannya disebabkan oleh rosot nilai dan hapus kira yang tidak berulang berjumlah RM26.7 juta.</p> <p>Segmen perladangan mencatatkan untung sebelum cukai berjumlah RM0.5 juta berbanding RM44.4 juta pada tahun kewangan 2022, apabila pendapatan merudum 46% kepada RM64.2 juta berikutan harga minyak sawit mentah yang lemah. Sementara itu, segmen perdagangan mencatatkan kerugian sebelum cukai yang lebih tinggi sebanyak RM20.1 juta pada tahun kewangan 2023 berbanding kerugian sebelum cukai RM3.7 juta setahun yang lalu.</p>
13.12.23 (Rabu) 11.00 pagi	Tomypak Holdings Berhad (AGM)	<p>Tahun kewangan 2023 menyaksikan satu lagi tempoh mencabar untuk Tomypak apabila pendapatannya merudum selepas insiden kebakaran besar di loji pengeluaran utamanya pada Disember 2021.</p> <p>Pendapatannya merosot daripada RM167.16 juta kepada RM57.85 juta pada tahun kewangan 2023. Bagaimanapun, prestasinya kembali pulih, daripada kerugian besar sebanyak RM99.86 juta pada tahun kewangan 2022 kepada untung bersih berjumlah RM84.84 juta pada tahun kewangan 2023. Ini berikutan hasil daripada penerimaan pampasan insurans sebanyak RM120 juta yang diiktiraf sebagai pendapatan lain dalam tahun kewangan semasa.</p> <p>Bagaimanapun, masih ada sinar harapan buat Tomypak selepas pengambilalihan 70% kepentingan dalam EB Packaging Sdn Bhd manakala jentera di kilang Tampoi sudah beroperasi sepenuhnya.</p>
13.12.23 (Rabu) 11.30 pagi	Scientex Packaging (Ayer Keroh) Berhad (AGM)	<p>Pendapatan SPAK sebahagian besarnya tidak berubah, berjumlah RM774.8 juta pada tahun kewangan 2023, daripada RM774.0 juta pada tahun sebelumnya. Untung bersih Kumpulan mencatatkan paras yang lebih rendah sebanyak RM35.9 juta, menyusut 16.7% daripada RM43.2 juta pada tahun kewangan 2022.</p>

		<p>Ini sebahagian besarnya disebabkan oleh rosot nilai ke atas muhibah sebanyak RM22.7 juta, berhubung pelaburannya di Myanmar. Jika dikecualikan kesan rosot nilai muhibah, untung bersih Kumpulan pada tahun kewangan 2023 meningkat 14.9% kepada RM49.6 juta berbanding RM43.2 juta pada tahun kewangan sebelumnya.</p>
14.12.23 (Khamis) 10.00 pagi	Seremban Engineering Berhad (AGM)	<p>Pada tahun kewangan 2023, pendapatan Kumpulan melonjak kepada RM274.82 juta daripada RM194.28 juta pada tahun kewangan 2022. Ia dipacu oleh peningkatan pendapatan projek dalam sektor seperti elektrik dan elektronik (<i>electric and electronic, E&amp;E</i>), makanan dan kilang penapis minyak sawit.</p> <p>Bagaimanapun, untung bersihnya berkurangan sedikit daripada RM5.15 juta pada tahun sebelumnya kepada RM4.62 juta, terutamanya disebabkan oleh margin keuntungan projek yang lebih rendah.</p> <p>Jumlah aset meningkat sebanyak RM54.19 juta, bersandarkan penghutang perdagangan dan aset kontrak yang lebih tinggi. Pada masa yang sama, jumlah pinjaman Kumpulan meningkat daripada RM38.13 juta kepada RM63.42 juta disebabkan peluasan pembiayaan projek.</p>
14.12.23 (Khamis) 10.00 pagi	Berjaya Corporation Berhad (AGM)	<p>Pendapatan Kumpulan untuk tahun kewangan 2023 mencecah RM9.61 bilion, mewakili peningkatan 18% tahun ke tahun.</p> <p>H.R. Owen melonjakkan prestasi segmen Runcit Bukan Makanan, manakala pemasaran yang agresif dan penambahan kafe Starbucks menjadi pemacu segmen Runcit Makanan.</p> <p>Sementara itu, pendapatan segmen Hartanah turut meningkat sejajar dengan pengebilan kemajuan serta penjualan tanah. Manakala pendapatan yang lebih tinggi dilihat</p>



		<p>dalam segmen Hospitaliti dan Perkhidmatan, hasil daripada peningkatan kadar penghunian, kadar bilik dan operasi perjudian.</p> <p>Meskipun terdapat peningkatan 13% dalam untung sebelum cukai, segmen Runcit Bukan Makanan dan Runcit Makanan melaporkan keuntungan yang lebih rendah disebabkan oleh pelbagai faktor termasuk tekanan inflasi serta turun naik kadar pertukaran mata wang.</p>
14.12.23 (Khamis) 10.30 pagi	Jaycorp Berhad (AGM)	<p>Jaycorp mencatatkan pendapatan dan untung bersih masing-masing berjumlah RM222.7 juta dan RM20.7 juta pada tahun kewangan 2023, masing-masing menyusut 27% dan 3% berbanding tahun kewangan sebelumnya.</p> <p>Pendapatan yang menyusut sebahagian besarnya disebabkan oleh penurunan permintaan dalam Segmen Perabot dan Pembungkusan, tanggapan pelupusan sebuah anak syarikat (PT Tiga Mutiara Nusantara menjadi syarikat usaha sama) serta pelupusan sebuah anak syarikat pada tahun tersebut.</p>
14.12.23 (Khamis) 11.30 pagi	Scientex Berhad (AGM)	<p>Scientex kembali menyerlah daripada keuntungan yang menyusut 10% untuk tahun kewangan 2022 kepada pertumbuhan sebanyak 6.9% pada tahun kewangan 2023 iaitu berjumlah RM438.14 juta.</p> <p>Kumpulan sekali lagi mencatatkan pendapatan tertinggi sepanjang masa, melepasi paras RM empat bilion buat kali pertama iaitu berjumlah RM4.1 bilion, untuk menutup tirai tahun 2023, mewakili kenaikan 2.3% berbanding tahun sebelumnya.</p>
15.12.23 (Jumaat) 10.00 pagi	Hiap Teck Venture Berhad (AGM)	<p>Pendapatan Kumpulan pada tahun kewangan 2023 meningkat sedikit kepada RM1.59 bilion daripada RM1.58 bilion pada tahun sebelumnya.</p> <p>Pertumbuhan itu adalah disebabkan oleh peningkatan 25% dalam jumlah jualan yang diimbangi oleh penurunan</p>

		<p>ketara dalam purata harga jualan dalam tempoh tersebut.</p> <p>Bagaimanapun, keuntungan operasinya merudum 97% kepada RM4.25 juta pada tahun kewangan 2023 (tahun kewangan 2022: RM147.99 juta) disebabkan oleh peningkatan kos inventori yang dibawa ke hadapan, yang menjejaskan margin keuntungan dengan ketara.</p>
15.12.23 (Jumaat) 10.30 pagi	Ekovest Berhad (AGM)	<p>Ekovest melaporkan pendapatan yang lebih tinggi berjumlah RM1.12 bilion pada tahun kewangan 2023, mewakili peningkatan sebanyak 38% daripada RM808.5 juta pada tahun sebelumnya. Peningkatan prestasi barisan atas ini berpunca daripada kerja-kerja pembinaan yang dijalankan pada tahun tersebut berikutan lebih banyak aktiviti pembinaan.</p> <p>Sejajar dengan pendapatan yang lebih tinggi, Ekovest mencatatkan kerugian sebelum cukai yang lebih rendah, berjumlah RM9.9 juta berbanding kerugian sebanyak RM40.5 juta pada tahun sebelumnya.</p>

<b>Perkara penting untuk diketengahkan:</b>	
<b>Syarikat</b>	<b>Perkara/ Isu penting untuk diketengahkan</b>
Berjaya Land Berhad (AGM)	<p>Dalam maklum balas kepada MSWG bertarikh 13 Disember 2022, disebutkan bahawa Berjaya Hotel dan Resort ('BHR') menjangka akan mencatatkan keuntungan apabila kadar penghunian secara keseluruhan mencecah 55%. Bagaimanapun, berdasarkan Laporan Tahunan 2023, kadar penghunian secara keseluruhan ialah 59.1% tetapi BHR masih melaporkan kerugian sebelum cukai sebanyak RM87.7 juta, yang disebabkan oleh peningkatan perbelanjaan mengurus, kos kewangan serta kerugian pertukaran asing yang belum terealisasi.</p> <p>a) Berdasarkan keadaan operasi semasa, apakah kadar penghunian keseluruhan yang membolehkan prestasi BHR bertukar menguntungkan bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2024?</p> <p>b) Apakah kadar inflasi yang diandaikan untuk mendapatkan anggaran kadar penghunian keseluruhan dalam (a) di atas?</p> <p>c) Berapakah kadar penghunian keseluruhan pada 30 November 2023?</p>

	<p>d) Adakah BHR berada di landasan yang tepat untuk mencatatkan keuntungan pada tahun kewangan berakhir 30 Jun 2024?</p>
<p>Ahmad Zaki Resources Berhad (AGM)</p>	<p><u>Kerugian rosot nilai ke atas penghutang perdagangan dan inventori yang diturunkan nilai.</u></p> <p>a) Terdapat kerugian rosot nilai ke atas penghutang perdagangan berjumlah RM8,912,000 yang direkodkan pada tahun kewangan 2023 (Jumlah ini tiada pada tahun kewangan 2022). (Halaman 168, Laporan Tahunan 2023).</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Penghutang perdagangan manakah yang terlibat dalam kerugian rosot nilai ini?</li> <li>ii. Apakah tindakan yang diambil untuk mendapatkan semula jumlah tersebut?</li> <li>iii. Berapakah jumlah yang berjaya dipulihkan setakat ini? Berapakah jumlah yang dijangka dapat dipulihkan dalam tahun kewangan berakhir 2024?</li> </ul> <p>b) Pada tahun kewangan berakhir 2023, Kumpulan telah menurunkan nilai untuk inventornya sebanyak RM5,246,000 (Jumlah ini tiada pada tahun kewangan berakhir 2022). (Halaman 168, Laporan Tahunan 2023).</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Apakah yang menyebabkan Kumpulan merekodkan penurunan nilai untuk inventornya dalam tahun kewangan 2023?</li> <li>ii. Apakah prospek untuk membalikkan amaun ini dalam tahun kewangan berakhir 2024?</li> </ul>
<p>PLS Plantation Berhad (AGM)</p>	<p>Pendapatan Kumpulan menyusut 36% kepada RM118.3 juta pada tahun kewangan 2023. Walau bagaimanapun, penghutang perdagangan meningkat 68% kepada RM50.8 juta. (Halaman 96-97, Laporan Tahunan 2023)</p> <p>Kerugian rosot nilai ke atas penghutang perdagangan meningkat kepada RM3.9 juta pada tahun kewangan 2023 daripada RM3.0 juta pada tahun kewangan 2022. (Halaman 101, Laporan Tahunan 2023)</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Apakah punca peningkatan ketara dalam penghutang perdagangan walaupun berlaku penurunan dalam pendapatan?</li> <li>b) Apakah tindakan yang diambil oleh Kumpulan untuk menangani kerugian rosot nilai yang berulang ke atas penghutang perdagangan?</li> <li>c) Berapakah daripada kerugian rosot nilai ini telah berjaya dipulihkan sehingga kini?</li> </ul>

	d) Adakah Kumpulan menjangkakan berlaku pertambahan dalam kerugian rosot nilai pada tahun kewangan 2024?
Tomypak Holdings Berhad (AGM)	<p>Penghutang perdagangan yang telah lampau tempoh melebihi 90 hari meningkat dengan ketara kepada RM2.76 juta pada tahun kewangan 2023 daripada RM337,000 pada tahun sebelumnya (Halaman 132, Laporan Tahunan 2023).</p> <p>Apakah yang menyebabkan lonjakan mendadak dalam penghutang yang lama tertunggak ini? Adakah penghutang ini memerlukan peruntukan hutang ragu? Apakah status terkini untuk kutipan penghutang dalam kategori ini?</p>
Scientex Packaging (Ayer Keroh) Berhad (AGM)	<p>SPAK membuat rosot nilai ke atas muhibah berjumlah RM22.7 juta berhubung pelaburannya di Myanmar. Dalam maklum balas kepada MSWG bertarikh 6 Disember 2022, Lembaga Pengarah memberikan pandangan positif dan berjangka panjang terhadap Myanmar, yang menawarkan potensi pertumbuhan yang luar biasa.</p> <p>a) Apakah perubahan yang berlaku dalam keadaan politik dan perniagaan di Myanmar sepanjang 12 bulan yang lalu, yang menyebabkan SPAK membuat rosot nilai ke atas pelaburannya di Daibochi Myanmar, pada tahun kewangan 2023?</p> <p>b) Adakah situasi di Myanmar menunjukkan tanda-tanda pemulihan? Apakah penggunaan kapasiti semasa?</p> <p>c) Adakah SPAK akan mempertimbangkan untuk keluar dari negara itu sekiranya keadaan politik dan ekonomi Myanmar merosot?</p>
Seremban Engineering Berhad (AGM)	<p>Kumpulan merekodkan kenaikan dalam penggunaan bahan api yang berjumlah 17,340Gj pada tahun kewangan berakhir 2023 berbanding 4,695Gj pada tahun sebelumnya. Peningkatan dalam penggunaan tenaga berpunca daripada peningkatan dalam aktiviti perniagaan di salah satu tapak projek, yang menyebabkan pertambahan dalam penggunaan bahan api untuk peralatan dan jentera mereka.</p> <p>a) Tapak projek yang manakah mengalami peningkatan dalam aktiviti perniagaan dan apakah faktor yang menyumbang kepada peningkatan itu?</p> <p>b) Memandangkan kenaikan trajektori dalam kos tenaga dijangka berterusan, adakah Kumpulan menjalankan kajian kebolehlaksanaan untuk memasang panel solar di atas bumbung tapak projek? Jika ya, berapa banyakkah penggunaan tenaga dijangka dapat dikurangkan? Bagaimanakah pula kesannya terhadap prestasi kewangan Kumpulan?</p> <p>c) Apakah jangkaan garis masa untuk pemasangan panel solar ini dan tapak projek manakah yang menjadi pilihan pertama untuk pemasangannya?</p>

<p>Berjaya Corporation Berhad (AGM)</p>	<p>Pendapatan Cosway naik 3.7% pada tahun kewangan semasa, dengan pendapatan dari Malaysia dan Singapura menunjukkan peningkatan terbesar daripada semua pasaran. Ini antaranya disebabkan oleh usaha yang berterusan untuk menambah baik pengurusan kitaran hayat produk meskipun kos meningkat, kadar inflasi yang tidak menentu serta turun naik kadar pertukaran mata wang (Halaman 15, Laporan Tahunan 2023).</p> <p>Bagaimanakah Cosway mengurus dan menambah baik kitaran hayat untuk barisan produknya, terutamanya apabila terpaksa menghadapi peningkatan kos dan dinamik pasaran?</p>
<p>Jaycorp Berhad (AGM)</p>	<p>Pada 2016, Kumpulan menambah kepentingannya dalam syarikat bersekutunya iaitu Jaycorp Engineering &amp; Construction Sdn Bhd (JECSB) kepada 60% dalam usaha untuk mempelbagaikan perniagaannya ke dalam segmen kejuruteraan, pembinaan dan pembangunan hartanah. Segmen pembinaan menyumbang pendapatan berjumlah RM24.2 juta (atau 12% daripada jumlah pendapatan pada tahun kewangan 2023).</p> <p>Bagaimanapun, maklumat operasi tidak dizahirkan pada Segmen Pembinaan di laman sesawang Kumpulan dan hanya maklumat yang terhad dibentangkan dalam Laporan Tahunan 2023.</p> <p>a) Sila berikan pencerahan tentang Segmen Pembinaan (iaitu, skop perkhidmatan yang disediakan, profil pelanggan, projek yang telah disiapkan sejak 2016, kelebihan daya saing, perkembangan, hala tuju masa hadapan, dsb)</p> <p>b) Berapakah jumlah pesanan Kumpulan yang masih tertunggak dan berapa lamakah pesanan yang tertunggak ini dijangka dapat bertahan?</p> <p>c) Berapakah penambahan jumlah pesanan yang disasarkan untuk tahun kewangan 2024?</p> <p>d) Adakah terdapat sebarang ganti rugi tertentu dan ditetapkan yang dikenakan ke atas Kumpulan pada tahun kewangan 2023?</p>
<p>Scientex Berhad (AGM)</p>	<p>Sepanjang tahun kewangan 2023, Kumpulan telah memulakan 235 projek penyelidikan dan pembangunan (<i>research and development, R&amp;D</i>) serta memperdagangkan sejumlah 35 inovasi.</p> <p>Secara purata, berapakah peratus pendapatan/ keuntungan yang dilaburkan oleh Scientex dalam R&amp;D? Berapa lamakah tempoh ke pasaran bagi setiap inovasi yang dibangunkan, dihasilkan dan diperkenalkan ke dalam pasaran?</p>

	Daripada 35 inovasi yang berjaya diperdagangkan, apakah pecahan inovasi ini mengikut segmen produk, iaitu perindustrian dan pengguna?
Hiap Teck Venture Berhad (AGM)	<p><u>Segmen pembuatan</u></p> <p>Segmen ini melaporkan kerugian berjumlah RM27.69 juta pada tahun kewangan dalam tinjauan, berbanding keuntungan segmen sebanyak RM89.85 juta pada tahun kewangan 2022. Prestasi yang merosot itu pada dasarnya disebabkan oleh kos inventori yang tinggi yang dibawa ke hadapan ditambah pula dengan harga keluli yang lebih rendah walaupun jumlah jualan lebih tinggi, selain pengawalan kos yang ketat (Halaman 15, Laporan Tahunan 2023).</p> <p>a) Apakah tindakan yang diambil untuk mengurus isu inventori segmen, yang menjadi punca utama kerugian segmen pada tahun kewangan 2023?</p> <p>b) Bagaimanakah tinjauan prestasi kewangan segmen pada tahun kewangan 2024? Adakah HTVB menjangkakan prestasi akhir segmen akan berubah pada tahun kewangan 2024?</p>
Ekovest Berhad (AGM)	<p>Perbelanjaan lain Kumpulan pada tahun kewangan berakhir 2023 melonjak kepada RM36,296,000 daripada RM16,477,000 pada tahun kewangan berakhir 2022. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak RM19,819,00 atau 120.28% (Halaman 73, Laporan Tahunan 2023).</p> <p>Apakah yang menyebabkan peningkatan ketara dalam perbelanjaan lain? Adakah perbelanjaan dalam kategori ini akan meningkat lagi pada tahun kewangan berakhir 2024? Jika ya, berapakah peratus jangkakan peningkatannya tahun ke tahun?</p>

### PEMANTAUAN KORPORAT MSWG

Devanesan Evanson, Ketua Pegawai Eksekutif, ([devanesan@mswg.org.my](mailto:devanesan@mswg.org.my))  
Rita Foo, Ketua, Pemantauan Korporat, ([rita.foo@mswg.org.my](mailto:rita.foo@mswg.org.my))  
Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([norhisam@mswg.org.my](mailto:norhisam@mswg.org.my))  
Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([chee.meng@mswg.org.my](mailto:chee.meng@mswg.org.my))  
Elaine Choo Yi Ling, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([elaine.choo@mswg.org.my](mailto:elaine.choo@mswg.org.my))  
Lim Cian Yai, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([cianyai@mswg.org.my](mailto:cianyai@mswg.org.my))  
Ooi Beng Hooi, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([ooi.benghooi@mswg.org.my](mailto:ooi.benghooi@mswg.org.my))  
Jackson Tan, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([jackson@mswg.org.my](mailto:jackson@mswg.org.my))  
Nur Amirah Amirudin, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([nuramirah@mswg.org.my](mailto:nuramirah@mswg.org.my))  
Yan Lai Kuan, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([yan.laikuan@mswg.org.my](mailto:yan.laikuan@mswg.org.my))  
Lam Jun Ket, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([lam.junket@mswg.org.my](mailto:lam.junket@mswg.org.my))

### PENDEDAHAN KEPENTINGAN

• Berkenaan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memiliki jumlah saham minimum dalam semua syarikat yang diliputi dalam surat berita ini.

### PENOLAKAN TUNTUTAN

*Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholders Watch Group (MSWG).*

*Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walau bagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.*

*MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.*

*MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.*